

01 APR 2003

PPP-Ulang Tahun/I

PPP BANGKIT DARIPADA ABU

Oleh: S. Retnanathan

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Pada satu masa, Parti Progresif Penduduk (PPP) pernah menguasai lapan kerusi Parlimen dan 12 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan hampir membentuk kerajaan pembangkang di Perak tetapi berputih mata apabila dua wakilnya yang dipilih melompat parti.

Namun senario ini berlaku pada 1969, tahun yang menyaksikan peristiwa buruk dalam perpaduan rakyat di negara ini akibat perbezaan politik. Kini, selepas wujud sejak 50 tahun lepas, PPP tidak lagi memiliki sebarang kerusi, termasuk kerusi DUN.

Ia berlaku akibat perbalahan dalaman dan diikuti beberapa tindakan mahkamah yang difailkan oleh para pemimpinnya terhadap satu sama lain, yang kebanyakan membelakangkan kepentingan parti.

Namun senario suram dalam parti kini mula berubah. Sejak 10 tahun lepas, parti itu yang ditubuhkan oleh adik beradik Seenivasagam yang terkenal di Ipoh, kini sudah mempunyai arah tuju.

PPP mendapat nafas baru apabila presidennya sekarang Datuk M. Kayveas mengambil alih parti pada 1993 dan menjadikan parti itu, parti yang menjadi duri dalam (BN) kerana masalah dalamannya, menjadi parti yang mendapat Timbalan Menteri pada Januari 2001 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perjuangan kami sukar. Semasa saya mengambil alih kepimpinan PPP, ianya kucar-kacir. Tidak ada rekod keanggotaan... kami tidak mempunyai apa-apa. Saya mempunyai pasukan yang bagus dan komited untuk menghidupkan parti dan kini saya rasa kami sudah menikmati hasil susah-payah itu," kata Kayveas dalam temubual dengan Bernama.

PPP ditubuhkan pada 1953 oleh adik-beradik Seenivasagam, sebagai sebuah parti pembangkang kepada Perikatan. Dalam tempoh yang pendek semasa perjuangan mendapatkan kemerdekaan, PPP menyertai Perikatan tetapi menarik diri dan sekali lagi menjadi pembangkang.

Namun pada 1973, PPP menjadi salah satu daripada parti pengasas BN dan pada masa itu, ramai yang menganggap ia merupakan parti yang perlu diberi perhatian kerana keanggotaan PPP bukan mengikut kaum atau agama. Ia merupakan parti pelbagai kaum yang sesuai dengan kehendak negara.

Malangnya, sejak itu, PPP menyaksikan kejatuhannya. Pada 1978 S.I Rajah dilantik sebagai presiden ketiga, diikuti Datuk Paramjit Singh pada 1982. Tee Ah Chaun kemudiannya mengambil alih kepimpinan parti pada 1985 dan digantikan oleh Datuk Mak Hon Kam sebagai presiden keenam PPP pada 1988.

Pada masa itu bermulalah saman. Berikutan satu injunksi terhadap Mak, S.I Rajah dilantik sebagai pemangku presiden. Kayveas mengambil alih 10 tahun lepas sebagai presiden ketujuh PPP selepas persaraan S.I Rajah daripada politik.

Peguaam yang menjadi ahli politik yang mewarisi banyak tindakan mahkamah, memulakan siri mengubah parti. Pertama sekali beliau menukar logo parti kepada bintang biru enam penjuru dengan perkataan PPP di tengah-tengah bintang. Parti itu juga meminda perlembagaan parti 1953 supaya selaras dengan perlembagaan Umno.

Berkembang setingkat ke setingkat, parti itu kini bebas daripada tindakan undang-undang dan berjaya mengumpulkan 380,000 anggota. PPP kini mengetuk pintu BN untuk mendapatkan kerusi yang hilang akibat perbalahan dalamannya.

"Anggota PPP merasakan sejak 10 tahun lepas parti sudah di pulihkan...mereka telah memainkan peranan menyokong BN jadi sudah sampai

masanya kami diberikan kerusi Parlimen dan DUN. Jawatan Timbalan menteri yang diberikan kepada saya merupakan petanda baik bahawa kita akan mendapat sesuatu," kata Kayveas.

Parti itu akan menyambut Jubli ke-50 pada 10 April ini dan antara atur cara yang dirancang termasuklah majlis menaikkan bendera dan sambutan pencapaian dan kejayaan PPP.

Kayveas berkata PPP merancang memperkenalkan kad pintar bagi anggotanya yang mengandungi maklumat seperti kawasan pengundian anggota serta kemudahan perbankan.

"Kami juga merancang mewujudkan struktur seperti Barisan Nasional dalam parti supaya pelbagai kaum dalam PPP boleh menyuarakan masalah. Kami belum memutuskan namanya tetapi ia seperti mini BN dengan mengambil kira keanggotaan kami yang terdiri daripada pelbagai kaum," kata Kayveas.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu berkata ada kaum di negara ini yang tidak diwakili dalam BN dan menerusi Mini BN PPP, mereka boleh mendekati kerajaan menerusi politik.

Dalam usaha menempa kejayaan, banyak perkara yang boleh dipelajari oleh parti-parti komponen BN atau mana-mana parti politik lain daripada parti berusia 50 tahun itu.

Perbalahan dan masalah dalaman parti tidak boleh digunakan oleh sesiapa untuk kepentingan diri dan mengetepikan perjuangan parti dan aspirasi anggotanya.

Pertikaian dalam mana-mana parti politik adalah biasa tetapi apabila perbezaan mencapai satu tahap tidak dapat dipulihkan, satu pihak perlu menarik diri demi parti dan anggotanya.

Dan PPP merupakan contoh penting bagaimana pertikaian dalaman telah menjatuhkan parti itu serta masalah yang dihadapi oleh pemimpinnya untuk memulih dan menanam keyakinan kepada anggotanya.

-- BERNAMA

SR KHY LAT